

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
[SEKIJANG – BN]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap persediaan penganjuran temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 dan berapakah jumlah semasa tajaan yang telah diterima bagi penganjuran temasya tersebut.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017 – KL2017) di bawah Kementerian Belia dan Sukan diterajui oleh Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) Kuala Lumpur 2017 yang mempunyai 18 jawatankuasa kecil. Ia kini berada di fasa terakhir dalam semua perkara, seperti persiapan lokasi pertandingan, termasuklah menguji pelbagai kemudahan dan peralatan di lokasi-lokasi tersebut. Kerja-kerja persiapan bagi upacara perasmian dan penutupan KL2017 juga sedang giat dilaksanakan.

2. Anggota MASOC dari pelbagai kementerian dan agensi juga sedang sibuk memastikan tugas mereka dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Contohnya, bagi memastikan persiapan keselamatan berada di tahap tertinggi, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang menjaga perihal keselamatan dan trafik sewaktu KL2017 juga telah mengadakan pelbagai latihan. Antaranya, ialah latihan ex Rimau dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan mereka menghadapi sebarang ancaman telah berlangsung pada 10 Julai 2017 yang lalu di KLCC. Sebelum itu, latihan yang sama telah diadakan di KL Sports City (KLSC), Pusat Pelayaran Kebangsaan Langkawi dan Taman Endurance Antarabangsa Terengganu (TIEP).

SULIT

3. Larian Obor yang kini sedang berlangsung juga dijangka akan tamat pada 12 Ogos ini. KBS juga telah mengadakan kiraan detik 30 hari ke KL2017 pada 20 Julai 2017 di Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Semua ini dianjurkan demi menyemarakkan lagi semangat bangkit bersama di kalangan rakyat Malaysia sempena Kuala Lumpur 2017.
4. MASOC telah berjaya mencapai sasaran awal penajaan iaitu pencapaian sebanyak 103% atau RM82.7 juta berbanding RM80 juta yang telah ditetapkan sebelum ini. Daripada jumlah itu, pecahan penajaan yang diterima daripada 15 rakan penaja adalah sebanyak RM25 juta dalam bentuk wang tunai manakala selebihnya dalam bentuk barangan dan cenderahati.
5. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **871 orang atlet** (iaitu seramai 481 atlet lelaki dan 390 atlet wanita) dari **38 jenis sukan** akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh 392 jurulatih, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai 1263 orang.
6. Bagi persediaan atlet Sukan Para ASEAN pula, seramai **371 atlet** para sedang menjalani latihan **Fasa Ketiga** yang bermula dari **Jun 2017 sehingga September 2017** dengan pemantauan seramai 128

SULIT

jurulatih/penggerak. Jumlah muktamad **penyertaan atlet dan kontinjen Para ASEAN** akan diumumkan selepas selesai Mesyuarat "Pre-DRM" untuk semua negara bertanding yang dijadualkan pada 27 hingga 29 Julai 2017 bagi tujuan penyenaraian akhir acara sukan yang akan dipertandingkan berdasarkan kepada syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.